

LAPORAN RINGKAS
THE 18th INTOSAI WORKING GROUP ON IT AUDIT
PADA 20 - 22 APRIL 2009 DI DOHA, QATAR

1. PENDAHULUAN

Mesyuarat Ke 18 INTOSAI *Working Group on IT Audit* (WGITA) telah berlangsung dari 20 hingga 22 April 2009 di Hotel Intercontinental, Doha, Qatar. Sebagai tuan rumah, Presiden Biro Audit Negara Qatar, Mr. Salah Ghanim Al-Ali telah merasmikan mesyuarat yang turut dihadiri Dr. Hessa Sultan Al-Jaber, *Secretary General of Supreme Council for ICT Qatar*.

Dahulunya Mesyuarat INTOSAI *Working Group on IT Audit* (WGITA) ini dikenali sebagai INTOSAI *Standing Committee of EDP Audit*. Majlis mesyuarat dipengerusikan oleh Mr. Vinod Raj, Ketua Audit Negara India. Seramai 56 peserta menghadiri WGITA yang mewakili 23 negara *Supreme Audit Institutions* (SAI) anggota INTOSAI.

Ketika ucapan, pengerusi mengalu-alukan penyertaan SAI Malaysia sebagai ahli baru ke mesyuarat WGITA kali ini. Jabatan Audit Negara Malaysia diwakili oleh En. Y Hamdan bin Mohd Dom, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengauditan ICT, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan dan Puan Nor Salwani bt. Muhammad, Timbalan Pengarah Audit, Cawangan Pelbagai Kementerian dan Jabatan I, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF MESYUARAT

Objektif WGITA adalah sebagai menyokong negara anggota SAI dalam membangunkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan dan pengauditan IT. Sokongan adalah dalam bentuk menyediakan maklumat dan kemudahan untuk pertukaran pengetahuan dan kemahiran secara dua hala di peringkat regional. Aktiviti yang dipilih dalam WGITA ini dipastikan selaras dengan objektif INTOSAI secara keseluruhannya. Pandangan dan pengalaman ahli dalam bidang IT sama ada secara

individu dan kolektif dapat membantu ahli-ahli yang lain dalam menjalankan tugas mereka.

3. KANDUNGAN MESYUARAT

PEMBENTANGAN PROJEK

Mesyuarat turut membincangkan persediaan terakhir untuk ke kongres INTOSAI (INCOSAI) yang akan diadakan di Afrika Selatan pada bulan November tahun 2010. Aktiviti yang telah dirancang untuk dibincangkan dalam INCOSAI tersebut telah ditetapkan oleh INCOSAI pada bulan November 2007 di Mexico. Sebanyak 6 projek yang dibincangkan, termasuklah kemajuan kerja bagi setiap projek. Kordinator projek membentangkan tajuk-tajuk berikut:-

- **IT Governance**

Aspek IT Governance yang dibincangkan meliputi kepentingannya serta risiko dan cabaran yang dihadapi. IT Governance diperlukan disebabkan ianya adalah pemangkin utama kepada hampir kesemua inisiatif transformasi. Ianya menyentuh tentang bagaimana IT digunakan akan memberikan impak yang mustahak samada organisasi mencapai visi, misi atau matlamat strategik. IT Governance mustahak kerana nilai aset IT secara umumnya mahal. Risiko apabila organisasi semakin bergantung kepada IT dan strategi keseluruhan secara tidak lansung bergantung kepada strategi IT. Ahli mesyuarat didedahkan dengan Standard baru berkaitan dengan IT Governance iaitu *International Standard for Corporate Governance of IT (IT Governance)-ISO/IEC 38500*. Framework yang digunakan adalah *Enterprise Value Governance of IT Investments-The Val IT Framework 2.0*. Certification baru mengenai IT Governance adalah *Certified in the Governance of Enterprise IT (CGEIT)*.

- **Pengauditan Pembangunan Sistem**

Topik ini telah diluluskan pada mesyuarat WGITA ke 15 dan agenda projek dan rangka kerja telah disediakan pada mesyuarat WGITA ke 16. Garispanduan telah dimuatnaikkan dalam website Working Group untuk ulasan dari semua SAI pada bulan Januari 2009. Secara ringkasnya mesyuarat telah didedahkan dengan sebab-sebab kegagalan IT projek iaitu kegagalan menguruskan risiko projek, pengurusan projek yang kurang berkesan, penyalahgunaan pengurusan perunding dan pembekal dan kegagalan dalam implementasi sistem. Dua pendekatan pengauditan yang dibincangkan adalah tradisional dan pendekatan baru. Pendekatan tradisional adalah dimana pengauditan dijalankan selepas proses pembangunan sistem selesai manakala pendekatan pengauditan yang baru adalah apabila pengauditan dijalankan pada setiap fasa yang telah diselesaikan. Semasa peringkat perancangan juruaudit dikehendaki mengenalpasti objektif pengauditan, mengumpul maklumat latarbelakang, menjalankan penilaian awal, menilai kawalan yang digunapakai dan mengenalpasti sistem yang akan diaudit.

- **Risiko E-Government**

Pasukan petugas menggunakan asas laporan *The INTOSAI Standing Committee on IT Audit* yang disediakan dalam tahun 2003 dan 2005 untuk pengauditan e-Government. Dalam menjalankan pengauditan projek e-Government, juruaudit perlu memahami risiko yang dihadapi oleh pengurus. Juruaudit perlu memahami tindakan yang diambil adalah sesuai. Rangka kerja audit meliputi 3 perkara utama iaitu prestasi, kewangan dan teknikal. Sebanyak 11 risiko dibentangkan dan strategi dalam menangani perkara tersebut dan ianya diselaraskan kepada rangka kerja EUROSAI.

- **Measures Taken To Counter Fraud In IT Environment**

Kemajuan projek di bawah tajuk ini masih diperingkat awal. Ahli-ahli yang terlibat masih mengumpulkan isu-isu yang mungkin berbangkit dan kertas kerja yang boleh dirujuk. Koordinator projek iaitu SAI Netherlands memaklumkan topik ini mempunyai skop yang luas dan kemahiran yang ada tidak mencukupi. Sebagai langkah seterusnya input dari ahli mesyuarat diperolehi dan deraf pertama laporan akan disediakan pada bulan November 2009 manakala deraf terakhir akan dibincangkan pada mesyuarat WGITA ke 19 pada bulan April 2010 dan dibentangkan pada dalam mesyuarat ke 20 kongres INTOSAI.

- **SAP in Public Administration**

SAI Australia mempunyai panduan teknikal implementasi pengauditan SAP/ERP. Koordinator iaitu SAI Netherland akan menyediakan kertas kerja pengauditan SAP berpandukan bahan tersebut. Tugasan ini dijangka akan disiapkan sebelum mesyuarat ke 20 kongres INTOSAI.

4. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Sebanyak 4 *country papers* telah dibentangkan iaitu SAI Brazil, Poland, Qatar dan Afrika Selatan sepertimana yang telah ditetapkan dalam mesyuarat ke 17 WGITA bagi tajuk-tajuk berikut:-

Tajuk	SAI
• <i>IT Governance Survey in the Federal Public Administration</i>	Brazil
• <i>Audit of the Web Access Point to the Polish e-Administration</i>	Poland
• <i>Presentation by the ICT Qatar and SAI Qatar</i>	Qatar
• <i>Audit of ERP</i>	Afrika Selatan

5. WGITA ke 19 AKAN DATANG

Mesyuarat ini juga membincangkan mengenai mesyuarat WGITA ke 19 yang akan diadakan di Beijing, China pada bulan April 2010. SAI China telah memaklumkan mengenai kesediaan penganjuran mesyuarat WGITA ke 19 yang akan diadakan bersekali dengan penganjuran *6th Performance Auditing Seminar*.

SAI Amerika Syarikat akan berperanan sebagai kordinator bagi seminar tersebut. SAI Amerika Syarikat telah membenteng dan membincangkan tajuk-tajuk dan tema untuk dibincangkan dengan ahli mesyuarat. Sebanyak 3 tajuk telah dipilih iaitu:-

- A. *Performance Measures And Measurement Techniques That Indicate An IT Project's Effectiveness,*
- B. *Meeting The Challenges Of Conducting A IT Performance Audit*
- C. *Functionality And Effectiveness of Government IT Systems.*

Tema yang dicadangkan adalah berkaitan dengan IT Governance.

6. RUMUSAN

WGITA Ke 18 telah memberi manfaat kepada pegawai yang terlibat kerana ianya telah memberi pendedahan dan ruang kepada pegawai audit bertukar pandangan, berbincang mengenai pengauditan IT yang dijalankan di negara-negara ahli yang terlibat khususnya yang berkaitan dengan projek yang dibincangkan. Secara umumnya, manfaat yang diperolehi daripada mesyuarat ini adalah amat berguna dan relevan dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Audit Negara ketika ini.

Disediakan bersama:

Y Hamdan Mohd Dom
Nor Salwani Muhammad
4 Mei 2009